

# Rafizi ambil cuti panjang tidak perlu dijadikan isu

BERITA HARIAN

03 MAY 2025

mk-6

## Desas-desus cetus perbincangan hangat dalam kalangan akar umbi PKR

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Langat:** Tindakan Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, mengambil cuti panjang tidak perlu dijadikan isu, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, cuti yang dimohon Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan itu hanyalah membabitkan beberapa hari dan bukannya sehingga hujung bulan seperti dilaporkan sesetengah media.

“Rafizi cuti hanya beberapa hari. Bagilah (dia cuti). Tak ada isu,” kata Anwar ringkas ditemui media selepas selesai solat Jumaat di Masjid Bandar Sau-

jana Putra di sini, semalam.

Desas-desus mengenai Rafizi yang juga Timbalan Presiden PKR, didakwa mengambil cuti panjang mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan akar umbi PKR, terutama menjelang proses pencalonan bagi Pemilihan PKR 2025, dijadual esok dan Ahad.

### Anwar sudah maklum

Anwar seperti dilaporkan media kelmarin, dikatakan sudah memaklumkan mengenai perkembangan itu dalam mesyuarat Jemaah Menteri kelmarin, namun tidak memberikan sebarang penjelasan lanjut.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan juga berseloroh yang beliau juga turut mengambil cuti selepas berakhirnya Sidang Kemuncak ASEAN hujung bulan ini.

“Ada ke soalan tak boleh cuti. Saya pun nak cari beberapa hari nak cuti. Saya pun belum ambil cuti. Lepas Sidang Kemuncak (ASEAN) boleh tak bagi saya beberapa hari cuti,” katanya.



Anwar menyantuni murid sekolah ketika hadir menunaikan solat Jumaat di Masjid Bandar Saujana Putra, Kuala Langat, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

Malaysia akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 yang dijadualkan berlangsung pada 26 dan 27 Mei ini, sementara Sidang Kemuncak ASEAN bersama Rakan Dialog bermula pada penghujung Oktober, sebagai sebahagian daripada peranannya selaku Pengerusi ASEAN 2025.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 dijangka menghimpunkan 10 pemimpin negara anggota ASEAN bagi membincangkan isu serantau serta memupuk kerjasama ekonomi selain memperjuangkan prinsip keterangkuman dan kemampunan.

Tema ASEAN 2025 ialah Keterangkuman dan Kemampunan

sebagai asas penyatuan untuk pembabitian serantau serta global, selain mencerminkan komitmen kolektif rantau ini untuk membentuk masa depan yang berdaya tahan dan saksama.

Malaysia sebelum ini pernah memegang jawatan Pengerusi ASEAN sebanyak empat kali iaitu pada 1977, 1997, 2005 dan 2015.

## Proses pencalonan pemilihan PKR pusat ditangguh

**Kuala Lumpur:** Proses pencalonan pemilihan PKR 2025 peringkat pusat yang sepatutnya berlangsung hari ini dan esok, ditangguhkan kepada Khamis dan Jumaat minggu hadapan.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Parti (JPP) PKR, Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, dalam kenyataan ringkas semalam.

“Dimaklumkan bahawa JPP memutuskan untuk menangguh proses Pencalonan Pemilihan 2025 peringkat pusat yang dijadualkan pada 3

dan 4 Mei 2025.

“Tarikh baharu Pencalonan Peringkat Pusat akan berlangsung pada 8 Mei 2025, bermula jam 12 tengah malam 8 Mei hingga 11.59 malam 9 Mei 2025 secara dalam talian sepenuhnya,” katanya.

Beliau berkata, semua calon yang berminat menawarkan diri dikehendaki mengisi dan melengkapkan borang pencalonan menerusi pautan <https://pencalonanpusat.keadilanrakyat.org>.